

02/06/1997

Kawasan larangan boleh dilonggar

KANGAR, Ahad - Kerajaan negeri bersedia melonggarkan kemasukan ke kawasan keselamatan di sempadan Malaysia-Thailand, di sini, bagi membolehkan pelancong menikmati keindahan kawasan terbabit.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata kelonggaran itu akan dilakukan sekiranya ada agensi atau pemandu pelancong bersedia membawa pelancong ke situ.

"Saya selaku Pengerusi Keselamatan negeri bersedia mengeluarkan permit kepada pemandu pelancong bagi membolehkan pelawat mengunjungi kawasan larangan itu," katanya.

Menurutnya, kawasan keselamatan dari Bukit Putih, Kuala Perlis hingga Bukit Kayu Hitam, Kedah adalah kawasan yang cukup menarik dan indah, bagaimanapun orang awam tidak dibenarkan memasuki kawasan itu.

Kawasan sempadan Perlis-Thailand sejauh kira-kira 27 kilometer itu dikawal rapi agensi penguatkuasa sempadan termasuk Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Polis Hutan (PPH).

Pembinaan tembok keselamatan Malaysia-Thailand dan jalan susur di situ menjadikan kawasan itu lebih menarik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melawat negeri ini, Mac lalu, yakin Perlis boleh dimajukan sebagai destinasi pelancongan menarik berdasarkan pemandangan indah di kawasan tanah tinggi berhampiran sempadan Malaysia-Thailand.

Pemandangan itu dinikmati Perdana Menteri ketika menaiki kenderaan pacuan empat roda di kawasan berbukit-bukau di situ.

Menurutnya, beliau tidak menyangka Perlis mempunyai pemandangan indah yang boleh dinikmati dari kawasan itu, sekali gus membolehkan ia dimaju sebagai destinasi pelancongan.

"Saya tidak tahu rupanya ada tempat sebegini cantik di Malaysia dan ia terletak di Perlis.

"Saya percaya tidak lama lagi Perlis akan dilawati pelancong dari dalam dan luar negara ... ini merupakan petanda baik kerana mereka bukan setakat datang ke Padang Besar untuk membeli-belah, malah bermalam di Padang Besar untuk melihat pemandangan indah," katanya.

Sehubungan itu, Shahidan menggalakkan lebih ramai individu menjadi pemandu pelancong bagi menarik lebih ramai pelawat ke kawasan itu dan kerajaan negeri juga bercadang menyediakan kemudahan lain di situ.

(END)